

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 2/1994

DASAR MENGENAI PEMBERIANMILIK TANAH DAN KONSENSI KEPADA AGENSI KERAJAAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah menimbang Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Bilangan 2/67/94/(43) dalam sidangnyanya pada 19 Januari, 1994 telah membuat keputusan supaya semasa pemberianmilik, memajak tanah kerajaan atau mengikat perjanjian kawasan konsesi dengan Agensi Kerajaan seperti PKINK dan YAKIN, syarat-syarat khas berikut dimasukkan dalam sebarang perjanjian memindahmilik/memindahhak (Assignment Agreement) diantara Agensi Kerajaan, Perbadanan dengan Pihak Anak Syarikat/Syarikat Pembalakan dan lain-lain syarikat :-

- (a) Sebarang pertukaran nama syarikat, pertukaran keahlian lembaga, perolehan atau pemindahan saham-saham syarikat kepada syarikat yang baru atau pemindahan saham kepada pemegang saham yang baru hendaklah dilaporkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.
- (b) Hendaklah dimasukkan syarat-syarat bahawa sebarang pertukaran pemilik-pemilik syarikat hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan Lembaga Pengarah Agensi atau Perbadanan yang berkenaan.

2. Tujuan syarat-syarat di atas dikenakan ialah untuk memastikan kepentingan Kerajaan Negeri adalah terjamin serta untuk mengelakkan daripada kawasan berkenaan berpindahmilik secara sewenang-wenangnya.

t.t

(Khalid Bin Kadir)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

**BLOK 3, KOTA BHARU DARULNAIM,
15576, KOTA BHARU.**

BERTARIKH : 21 FEBRUARI 1994

KEPADA:

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. Y.A.B. Tuan Guru Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
(Tuan Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman)
3. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
(Tuan Haji Mohd Rozali Bin Isohak)
4. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
5. Y.B. Tuan Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.
6. Y.B. Tuan Penasihat Undang-undang, Negeri Kelantan.
7. Y.A.Brs. Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).
8. Y.A.Brs. Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).
9. Y.A.Brs. Pengarah Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN).
10. Y.A.Brs Pengarah Penyelesaian Tanah, Negeri Kelantan.
11. Y.A.Brs. Pengarah Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) Negeri Kelantan, Peti Surat 152, 15710 Kota Bharu.
12. Y.A.Brs. Pengarah Kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Bandar Baru, Jalan Lipis, 18300 Gua Musang.
13. Y.Brs. Setiausaha Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BLOK 3, TINGKAT BAWAH KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

FAIL : PTG KN. 4485/(50)

FAIL : PTG.KN. 4/2/40/(2)

BERTARIKH : 27 APRIL 1994